

Ekspo alam sekitar berjaya

Serdang: Kira-kira 1,000 pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) serta sekolah dari sekitar Lembah Klang menyertai Ekspo Belia Alam Sekitar Universiti Putra Malaysia (UPM) - Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) 2012 di sini, baru-baru ini.

Ekspo julung kali itu dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UPM, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan.

Berlangsung sehari di Dewan Besar, UPM ekspo itu bertujuan meningkatkan kesedaran dalam kalangan belia mengenai kepentingan memulihara alam sekitar.

Program itu anjuran bersama UPM dan MNS.

Kelab Pencinta Alam

Kira-kira 39 gerai pameran dibuka, membabitkan 27 Kelab Pencinta Alam peringkat sekolah, IPT dan badan bukan kerajaan.

Seorang peserta, Leila Beyabani Zanouz, 25, berkata ekspo itu memberi manfaat kepada pencinta alam semula jadi kerana menawarkan pelbagai maklumat mengenai kaedah

terbaik bagi memulihara alam sekitar.

Beliau yang berasal dari Iran berkata, ekspo itu patut dijadikan sebagai acara tahunan.

Rizal Majid, 36, pula berkata kepentingan mengenai penjagaan alam sekitar perlu diterapkan kepada generasi muda khususnya dalam kalangan murid dan pelajar sekolah.

"Ekspo ini dapat membuka mata golongan belia dan remaja supaya lebih peka terhadap persekitaran mereka," katanya.

Tanggungjawab semua

Ninderpal Singh, 26, pula berkata, tanggungjawab menjaga alam sekitar bukan terletak di bahu pihak tertentu saja tetapi menjadi tanggung semua pihak.

Katanya, kesedaran itu penting supaya semua pihak memainkan peranan agar generasi akan datang juga dapat menikmati kehidupan mereka.

"Ekspo ini sangat bermanfaat kerana memberi peluang kepada peserta dan pengunjung untuk bertukar pandangan.

"Ini juga menjadi medan pencinta alam sekitar membincangkan isu alam sekitar," katanya.